

SOALAN NO : 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]
TARIKH : 2 NOVEMBER 2017
SOALAN : 18**

YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berikutan kos perubatan di hospital swasta yang semakin tinggi, adakah Kerajaan akan mengawal dan mengenakan kadar caj maksimum bagi kos perubatan hospital swasta untuk setiap jenis pembedahan dan rawatan.

Tuan Yang di-Pertua

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan satu (1) soalan lain daripada **YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah kos perubatan rawatan rapi di hospital swasta yang tinggi, sehingga pesakit-pesakit terpaksa berpindah ke hospital awam selepas beberapa hari rawatan di hospital swasta.

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman, sejak tahun 2006, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan Jadual Ketiga Belas, Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan) 2013.

Jadual Ketiga Belas memberi kuasa kepada Kerajaan untuk meletakkan harga siling atau had maksimum kepada fi profesional iaitu fi perundingan termasuk fi rawatan rapi dan fi tatacara pengamal perubatan atau pergigian swasta supaya rakyat diberi perlindungan daripada dikenakan caj yang terlampau tinggi.

Walau bagaimanapun, selain daripada fi profesional, KKM tidak mengawal kos bagi penginapan, fi tatacara kejururawatan, caj peralatan seperti caj alat pakai buang (jarum, picagari, gauze dan lain lain), caj ujian makmal dan kos ubat-ubatan.

KKM kini sedang menjalankan kajian dan pengumpulan data serta maklumat daripada pihak yang berkepentingan seperti *Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM)* dan persatuan-persatuan pengguna. Kajian ini adalah satu proses yang kompleks kerana pelbagai isu perlu dikaji dan diteliti secara terperinci seperti kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan, lokasi hospital dan kos penyelenggaraan hospital.

Tuan Yang di-Pertua

KKM sentiasa membuat pemantauan dan kawalselia ke atas fi perundingan dan fi profesional bagi prosedur pengamal perubatan atau pergigian swasta termasuk kos perubatan rawatan rapi. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh KKM adalah:

- i. Pemantauan ke atas fi yang dikenakan oleh hospital swasta berpandukan kepada Jadual Ketiga Belas;
- ii. Membenarkan pesakit untuk mengetahui kos sebelum rawatan melalui '*financial counselling*' yang diadakan oleh pihak hospital swasta;
- iii. Menyemak semula Jadual Ketiga Belas dengan memasukkan nota-nota tambahan bagi mengelakkan pengamal perubatan yang mengamal di hospital swasta daripada memanipulasikan fi profesional; dan
- iv. Mengkaji cadangan untuk mengawal selia caj hospital swasta.

Antara faktor yang menyebabkan kos perubatan rawatan rapi yang tinggi di hospital swasta adalah pengendalian kes-kes kritikal yang memerlukan bantuan peralatan perubatan yang berteknologi tinggi, ubat-ubatan spesifik dan pemantauan yang berterusan.

Tempoh rawatan pesakit di unit rawatan rapi juga biasanya agak lama dan kesemua faktor ini menyumbang kepada kos yang tinggi.